



Bot nelayan Vietnam yang ditahan kerana menceroboh dan mencuri hasil laut negara.

(Foto ihsan APMM)

BH 24/5/2022 MS 21

# Nelayan Vietnam ceroboh, curi hasil laut ditahan

**Kuala Terengganu:** Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan sebuah bot nelayan Vietnam yang menceroboh dan mencuri hasil laut negara membabitkan ramasan bernilai RM1.5 juta.

Bot itu ditahan Maritim Malaysia dalam satu operasi pengawatkuasaan bersepadu Op Naga Barat dan Op Khas Kuda Laut pada jarak 100 batu nautika timur laut dari Kuala Terengganu, jam 3 petang Sabtu lalu.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli, berkata pemeriksaan mendapati terdapat 15 kru, termasuk seorang tekong yang berusia antara 20 hingga 50 tahun di dalam bot berkenaan dengan semuanya gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.

Beliau berkata, pemeriksaan

lanjut terhadap bot berkenaan menemui hasil tangkapan yang dianggarkan seberat 700 kilogram, 1,000 liter diesel dan peralatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai RM1.5 juta.

"Bot dan semua kru yang ditahan dibawa ke Jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Muhammad Suffi berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dari Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.

Beliau berkata, rondaan dan pemantauan akan terus diperlakukan bagi mencegah sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim.